

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

ATP 301 - Perakaunan Pengurusan

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A dan DUA soalan dari BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A (60 markah)

Jawab semua soalan dari bahagian ini.

Soalan 1 (25 markah)

(a) Untuk setiap butiran belanja yang bernombor di bawah, pilihlah jenis kos yang sesuai bagi sebuah syarikat pengilangan yang menggunakan sistem perakaunan pengekosan kerja. Kebanyakan belanja mempunyai dua jawapan daripada jenis kos berikut.

- (a) kos berubah
- (b) kos tetap
- (c) kos pentadbiran dan am
- (d) kos jualan
- (e) kos pengilangan langsung
- (f) kos pengilangan tak langsung
- (g) lain-lain (namakan)

...2/-

Contoh jawapan:

Bahan langsung	A, E
Gaji pengurus pejabat	B, C
Belanja faedah debentur	B, G (belanja kewangan)

Belanja-belanja untuk perhatian anda:

1. Gaji penyelia di jabatan pemasangan
2. Gaji penyelia di setor kilang
3. Kos jamuan tahunan syarikat tersebut
4. Masa terbiar di jabatan pemasangan
5. Tambang muatan keluar
6. Cukai tanah
7. Kuasa elektrik untuk mesin-mesin di kilang
8. Komisen jurujual
9. Gaji jurujual
10. Cat untuk barangan siap
11. Kos hawa dingin bagi kilang
12. Susutnilai garis-lurus bagi kereta kegunaan jurujual

[12 markah]

- (b) Anda dilantik sebagai pengurus jualan bagi Syarikat Cangkat Jering Cement Works Berhad yang mengeluarkan simen dari kilangnya yang terletak 20 kilometer dari Taiping, Perak. Bincangkan faktor-faktor utama yang patut diberi pertimbangan oleh anda semasa penyediaan belanjawan jualan syarikat anda bagi tahun kewangan yang bermula pada 1 Januari 1991.

[13 markah]

Soalan 2 (15 markah)

Syarikat Minden telah memperkenalkan sistem ukuran kerja bagi Bahagian Penyediaan Invois di Jabatan Jualan. Data piawai ialah seperti berikut:-

Kos buruh	\$ 4.00	sejam
Kadar penyediaan invois purata	8.00	invois sejam
Bilangan baris purata	10.00	baris setiap invois

...3/-

Setiap kerani di bahagian itu bekerja sebanyak 7 1/2 jam sehari dan 5 hari seminggu.

Kerani Kanan bahagian tersebut, Encik Foo Kok Keong telah menerima laporan prestasi berikut bagi tempoh empat minggu yang lalu dari pengurus pejabat, Cik Josephine Mary:

Laporan Prestasi - Bahagian Penyediaan Invois

	Sebenar	Belanjawan Fleksibel	Varians	
			Amaun	Bilangan Kerani
Buruh untuk penyediaan invois (5 kerani)	\$3,000	\$1,850	\$1,150 U	1.92
Catitan: Nampaknya bahagian anda memerlukan tiga orang kerani sahaja!				
Tandatangan (Cik Josephine Mary)				

Selepas ia menerima laporan ini Encik Foo Kok Keong membuat suatu pemilihan rambang sebanyak 400 invois dari jumlah yang disediakan dalam tempoh empat minggu tersebut. Apabila 400 invois tersebut dikaji oleh Encik Foo, terdapat bahawa jumlah bilangan baris ialah sebanyak 5200 baris.

- (a) (i) Hitungkan kos piawai untuk menyediakan satu invois
(ii) Hitungkan bilangan invois yang disediakan didalam tempoh tersebut.

[4 markah]

...4/-

- (b) Andaikan bahawa anda ialah Encik Foo Kok Keong. Tulis satu laporan kepada Cik Josephine Mary untuk menerangkan mengapa varians yang negatif sebanyak \$1,150 telah berlaku. Anda juga perlu memberi cadangan-cadangan yang sesuai tentang catitannya didalam laporan prestasi di atas. Oleh kerana Cik Josephine Mary tidak suka membaca laporan yang panjang lebar, laporan anda tidak boleh melebihi dua muka surat.

[11 markah]

Soalan 3 (20 markah)

- (a) Syarikat Sharmila mengeluarkan dua jenis barangan yang melalui satu proses pengilangan. Kos tak langsung bersama bagi proses ini berjumlah \$250,000. Barangan X berjumlah 6,000 unit dan boleh dijual pada harga \$25 seunit. Barangan Y berjumlah 9,000 unit dan berharga \$15 seunit.

Bagaimanapun, barangan Y boleh diproseskan lagi, jika mahu, sehingga menjadi barangan Z. Semasa pemprosesan selanjutnya ini dilakukannya 5% daripada unit-unit barangan Y yang dikerjakan itu akan rosak dan tidak bernilai lagi. Kos memproses ini dianggarkan berjumlah \$15,000. Harga pasaran barangan Z ialah \$17 seunit.

Dikehendaki:

- (i) Andaikan bahawa Y tidak diproses lagi menjadi barangan Z. Lakukan peruntukan kos bersama diantara barangan X dan Y, berdasarkan (1) unit keluaran dan (2) harga jualan.
- (ii) Patutkah Y diproses lagi dan dijual sebagai barangan Z. Kenapa?

[14 markah]

- (b) Bezakan secara ringkas diantara pengekosan kerja dan pengekosan proses dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

[6 markah]

...5/-

Bahagian B (40 markah)

Jawab DUA soalan dari bahagian ini.

Soalan 4 (20 markah)

Syarikat EDAR-CEPAT mempunyai 5 buah van untuk mengedarkan bungkusan-bungkusan kecil di Pulau Pinang. Syarikat ini telah menyediakan kos piawai setiap serahan seperti berikut berasas pada pengalaman lampau.

Buruh langsung	: (30 minit pada \$2.00 sejam)	\$1.00
Bahan langsung- diesel	: (2 serahan/liter pada \$0.60/liter)	0.30
Overhed berubah	: (2 serahan/jam pada kadar \$1.50/jbl)	0.75
Overhed tetap	: (\$5,000 bagi 4,000 serahan seminggu)	1.25

Jumlah kos piawai setiap serahan		\$3.30
		=====

Pada satu minggu kebelakangan ini 3,800 edaran dibuat, dan keputusan sebenar ialah seperti berikut:

Buruh langsung	: 2000 jam pada \$1.90 sejam
Bahan langsung yang dibeli dan diguna	: 1800 liter diesel pada \$0.61 setiap liter
Overhed berubah	: \$2,850
Overhed tetap	: \$5,080

Dikehendaki:

(a) Sediakan analisis varians bagi

- (i) bahan,
- (ii) buruh,
- (iii) overhed berubah dan
- (iv) overhed tetap

[12 markah]

(b) (i) Apakah kesimpulan yang anda boleh buat tentang sebab-sebab varians tersebut wujud?

...6/-

- (ii) Diantara varians-variens yang dikirakan di bahagian (a), yang manakah perlu disiasat dengan lebih teliti dan kenapa?

[8 markah]

Soalan 5 (20 markah)

Syarikat Radio Ultraman mengeluarkan dan menjual sejenis radio yang dinamakan 'ultrafonik' dengan harga \$65 sebuah. Struktur kosnya ialah seperti berikut:

Bahan langsung	\$20.00 seunit
Buruh langsung	15.00
Overhed kilang berubah	5.00
Overhed jualan dan pentadbiran berubah	5.00
Overhed kilang tetap	10.00
Overhed jualan dan pentadbiran tetap	2.00

Jumlah:	\$57.00 seunit
	=====

Pengeluaran dan jualan bagi tahun ini dianggar sebanyak 25,000 unit. Satu pesanan khas telah diterima daripada seorang pengedar asing untuk membeli 2,000 buah radio "ultrafonik" pada harga \$47.00 seunit.

Syarikat Ultraman mempunyai keupayaan lebihan dan pada masa kini tidak bersaing di pasaran asing. Kalau pesanan khas ini diterima, belanja jualan dan pentadbiran khas sebanyak \$5,000 diperlukan, tetapi overhed jualan dan pentadbiran berubah tidak perlu dibelanjakan.

- (a) (i) Berasaskan kepada maklumat yang diberikan diatas, adakah pesanan khas ini patut diterima?
- (ii) Apakah faktor-faktor lain yang anda akan kemukakan kepada pihak pengurusan Syarikat Ultraman untuk membantu mereka membuat keputusan?

[10 markah]

...7/-

- (b) Syarikat Ultraman boleh mengurangkan kos bahan langsung sebanyak \$2.00 seunit dan kos buruh langsung sebanyak \$3.00 seunit jika ia membeli komponen XR72 dari pembekal luar pada harga \$5.50 seunit. Kalau komponen XR72 dibeli dari pembekal itu, kawasan yang digunakan sekarang bagi pengeluaran XR72 boleh disewakan kepada sebuah syarikat lain dengan hasil sewa sebanyak \$20,000 setahun.

Haruskah Syarikat Ultraman membuat atau membeli komponen XR72? Didalam jawapan anda bincangkan faktor-faktor kualitatif yang akan mempengaruhi pilihan tersebut.

[10 markah]

Soalan 6 (20 markah)

- (a) Hito Electronic Lighting Ltd (HELL) ialah sebuah syarikat elektronik yang berpusat di Tokyo, Jepun. HELL menubuhkan sebuah anak syarikat Hito Electronics Lighting Malaysia Sdn Bhd (HELM) di Kawasan Perdagangan Bebas Bayan Lepas, Pulau Pinang pada 1hb. Januari, 1986 untuk membuat sejenis lampu elektronik. Semua bahan untuk pengeluaran ini dibeli oleh HELM dari HELL dan semua lampu yang disiap dijual balik kepada HELL.

Kadar cukai pendapatan di Jepun seperti di Malaysia ialah 35% untuk syarikat-syarikat. Walau bagaimanapun sebagai dorongan untuk menanam modal di Malaysia, HELM diberi taraf perintis selama enam tahun dari tarikh penubuhan, iaitu, HELM tidak perlu bayar cukai pendapatan selama enam tahun mulai 1hb. Januari, 1986.

- (i) Dalam tahun 1990 kaedah mana yang akan digunakan untuk menentukan harga pindahan bahan mentah dan barang siap diantara HELM dan HELL? Kenapa?
- (ii) Apakah perubahan-perubahan yang akan berlaku kepada harga pindahan didalam tahun 1992? Bincangkan.
- (iii) Jika anda seorang pengurus di HELM, apakah reaksi anda terhadap perubahan ini?

[10 markah]

...8/-

- (b) Syarikat X mempunyai lebih daripada 100 bahagian termasuk AX, BX dan HX. Bahagian AX hendak membeli sejenis komponen untuk produknya. Dua tawaran dari luar telah diterima; harga tawaran pembekal pertama Syarikat Bersatu ialah \$200 dan harga tawaran pembekal kedua Syarikat Kaki Dua ialah \$212.

Untuk setiap komponen yang dibuat, Syarikat Kaki Dua akan beli bahan mentah sebanyak \$30 dari Bahagian HX; kos berubah bahan ini ialah \$10 bagi bahagian HX. Syarikat Bersatu tidak akan beli apa-apa bahan mentah dari mana-mana bahagian Syarikat X.

- (i) Dari pandangan Syarikat X keseluruhannya, tawaran mana patut diterima oleh Bahagian AX? Mengapa?
- (ii) Sekarang andaikan bahawa Bahagian BX sedang membuat komponen tersebut dan harga jualannya ialah \$212. Kos berubah membuat komponen ini ialah \$195. Oleh kerana Syarikat X terlalu besar, pengurus Bahagian BX tidak sedar bahawa bahan mentah untuk komponen ini boleh dibekalkan oleh Bahagian HX. Beliau membeli bahan mentah dari luar dengan harga yang sama iaitu \$30. Apakah Bahagian AX patut membeli komponen itu dari Bahagian BX atau pembekal luar? Mengapa?

[10 markah]

---oooo000oooo---